



MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SEJARAH (MPP) 2019

PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

UJIAN BERTULIS

2 Jam



ARAHAN:

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu.
 2. Tulis **nama** dan **angka giliran** anda pada ruang yang disediakan.
 3. Jawapan **bahagian A** hendaklah ditanda pada borang yang disediakan.
 4. Jawapan **bahagian B** hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
 5. Jawapan **bahagian C** hendaklah ditulis pada kertas kajang yang disediakan.
 6. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

NAMA :


NO ANGKA GII IRAN ·

BAHAGIAN A
Jawab **semua** soalan
(20 markah)

1. Pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan Muhsin Yusof Ibrahim ialah
 - A catatan atau rekod peristiwa lalu.
 - B penceritaan tentang tindakan manusia.
 - C apa-apa yang pernah atau sudah berlaku.
 - D tindak balas pembaca terhadap penulisan sejarah.
2. Penyataan di bawah berkaitan Zaman Air Batu.
 - Berlaku antara 2.5 juta hingga 10,000 tahun dahulu
 - Manusia telah mengetahui cara membuat api
 - Kebanyakan binatang yang wujud ketika itu masih kekal hingga kini

Ciri-ciri tersebut merujuk kepada zaman

- A Miosen
 - B Pliosen
 - C Pleistosen
 - D Holosen
3. Mengapa manusia prasejarah mengebumikan mayat bersama bahan makanan dan amalan ritual?
 - A Menggambarkan kedudukan seseorang semasa hidup.
 - B Mempercayai kehidupan selepas mati.
 - C Membuktikan keunikan amalan ritual.
 - D Memberikan penghormatan terakhir.
 4. Peta di bawah menunjukkan lokasi tamadun awal dunia.



Ciri penting yang terdapat pada tamadun tersebut ialah

- A terletak di tanah pamah
- B berada di lembah sungai
- C terletak di kawasan teluk
- D berhampiran dengan laut

5. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan Yunani.

- Sistem beraja yang berasaskan keturunan
- Raja dibantu oleh Konsul yang terdiri daripada golongan bijak pandai

Senarai di atas merujuk kepada pemerintahan

- A Tirani
- B Aristokrasi
- C Oligarki
- D Monarki

6. Nabi Muhammad S.A.W telah berjaya mewujudkan kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan kehidupan yang aman antara kaum di Madinah.

Bagaimanakah kejayaan tersebut direalisasikan?

- A Menggubal Piagam Madinah
- B Melaksanakan sistem syura
- C Melakukan penaklukan
- D Menyebarluaskan dakwah

7. Petikan berikut berkaitan konsep Alam Melayu.

Merangkumi gugusan kepulauan dan Tanah Besar di bahagian Tenggara Benua Asia

Konsep Alam Melayu meliputi aspek

- I geografi
- II agama
- III ekonomi
- IV bahasa

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

8. Kerajaan Funan dan Angkor terletak di Lembah Sungai Mekong. Apakah kepentingan sungai tersebut?

- A Aktiviti perdagangan
- B Perluasan kuasa
- C Aktiviti dakwah
- D Kesuburan tanah

9. Mengapakah pembentukan empayar penting kepada Kesultanan Melayu Melaka dari segi politik?

- A Mengukuhkan hubungan antara kerajaan
- B Menguasai perdagangan di Selat Melaka
- C Mewujudkan masyarakat majmuk
- D Perkembangan agama Islam

10. Rajah di bawah merujuk kepada pembesar empat Kesultanan Pahang.

- Orang Kaya Indera Shahbandar
- X
- Orang Kaya Pahlawan
- Y

Apakah X dan Y?

- I Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja
- II Orang Kaya Temenggong Paduka Raja
- III Orang Kaya Indera Segara
- IV Orang Kaya Indera Perba Jelai

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

11. Mengapakah Adat Perpatih meletakkan kedudukan yang tinggi kepada kaum wanita?

- A Berpegang kepada adat
- B Memiliki kesantunan
- C Sebagai Ibu Sako
- D Berdaya saing

12. Maklumat berkaitan hubungan luar Sabah dan Sarawak

*Kerajaan Alam Melayu	*Pedagang luar
-----------------------	----------------

Tindakan pemimpin tersebut menunjukkan sikap

- I bertanggungjawab
- II keterbukaan
- III toleransi
- IV diplomasi

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

13. Sistem percukaian telah menyumbang kepada kemakmuran negeri Melayu.

Antara berikut manakah sumber percukaian tersebut?

- I Hasil perlombongan
- II Sewaan ruang niaga
- III Bayaran buruh asing
- IV Aktiviti perdagangan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

14. Apakah strategi yang digunakan oleh British untuk menguasai Sabah?

- A Pajakan
- B Tipu helah
- C Manipulasi
- D Serangan fizikal

15. Kedudukan Pulau Pinang yang jauh ke utara Selat Melaka menyebabkannya gagal bersaing dengan pelabuhan di Kepulauan Melayu.

Bagaimanakah SHTI menyelesaikan masalah pelabuhan tersebut?

- A Pakatan dengan Belanda
- B Mendapatkan Singapura
- C Menghantar angkatan perang
- D Meningkatkan kemudahan di pelabuhan

16. Ilustrasi berikut menggambarkan ketegangan hubungan antara British dengan Belanda di Alam Melayu pada tahun 1824.



Bagaimanakah ketegangan hubungan tersebut diselesaikan?

- A Surat Kew
- B Perang Napoleon
- C Perjanjian London 1824
- D Perjanjian 2 Ogos 1824

17. Maklumat di bawah berkaitan dengan campur tangan British di Selangor.

1873 - Rompakan kapal dagang British di Kuala Langat
1874 - Serangan terhadap rumah api di Tanjung Rachado

Apakah kesan peristiwa tersebut ?

- A Perang saudara
- B Pelantikan Residen
- C Kos pentadbiran meningkat
- D Perdagangan British tergugat

18. Apakah faktor yang mendorong perluasan kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu?

- I Kedudukan yang strategik
- II Kerjasama kemasukan kuasa asing lain
- III Kesengsaraan hidup penduduk tempatan
- IV Menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

19. Kelicikan dan kemampuan James Brooke menggunakan pelbagai strategi membolehkannya berjaya mendapatkan Sarawak.

Apakah nilai yang diperolehi?

- A Berwaspada
- B Berhemah
- C Berdikari
- D Berdisiplin

20. Lokasi berikut merupakan kawasan pertanian yang utama di Sarawak.

Lundu

Apakah tanaman tradisional yang diusahakan di kawasan tersebut?

- A Kelapa
- B Tembakau
- C Lada hitam
- D Gambir

BAHAGIAN B
Jawab **semua** soalan
(40 markah)

1. Sumber sejarah terbahagi kepada dua iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

(a) Apakah maksud sumber primer dan sumber sekunder?

i. Sumber primer

.....
.....

(2 markah)

ii. Sumber sekunder

.....
.....

(2 markah)

(b) Sejarawan menggunakan tiga kaedah dalam penyelidikan sejarah.
Senaraikan kaedah tersebut.

i.

ii.

iii.

(3 markah)

(c) Huraikan faedah mempelajari sejarah.

.....
.....
.....
.....

(3 markah)

2. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka.

Masalah Perpaduan

- (a) Jelaskan masalah tersebut.

.....
.....
.....
.....

(2 markah)

- (b) Bincangkan kesan kepada negara kita sekiranya masalah perpaduan ini tidak ditangani.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

- (c) Pada pendapat anda, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh generasi muda untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pada masa kini?

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

3. Ilustrasi di bawah menunjukkan peristiwa menandatangani Perjanjian London 1824.



(a) Nyatakan dua strategi yang digunakan Belanda untuk meluaskan kuasa di negara kita.

i
ii

(2 markah)

(b) Huraikan cara British mendapatkan Pulau Pinang dan Melaka.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(c) Sebagai generasi muda, berikan cadangan anda untuk mengekalkan kedaulatan negara.

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

4. British telah menempatkan Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang melalui perjanjian yang dibuat dengan pemerintahan tempatan dan Raja-raja Melayu.

(a) Nyatakan peranan Residen di negeri tersebut.

.....
.....
.....

(2 markah)

(b) Jelaskan ciri-ciri sistem Residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(c) Beri cadangan anda bagi mewujudkan sistem pentadbiran yang sistematik bagi menjamin kemakmuran negara.

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

BAHAGIAN C

(40 markah)

Jawab **dua soalan** sahaja daripada bahagian ini.

5. Ilustrasi berikut menunjukkan kehidupan manusia pada Zaman Prasejarah.



- (a) Jelaskan ciri-ciri kehidupan manusia pada zaman tersebut. (6 markah)
- (b) Manusia pada masa itu mampu meneruskan kelangsungan hidup. Bincangkan. (6 markah)
- (c) Penemuan peralatan prasejarah di negara kita perlu dipelihara dan dipulihara. Berikan alasan anda. (8 markah)

6. Gambar di bawah berkaitan dengan sistem demokrasi yang diamalkan oleh badan pemerintahan dan pentadbiran di Athens.



Dewan Perhimpunan

- (a) Jelaskan fungsi badan pentadbiran tersebut. (6 markah)
- (b) Pada pendapat anda, apakah kelebihan sistem demokrasi berbanding dengan sistem lain? (6 markah)
- (c) Cadangkan langkah-langkah bagi mengukuhkan sistem demokrasi di negara kita. (8 markah)

7. (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi kegiatan perdagangan Alam Melayu. (6 markah)
- (b) Huraikan kepentingan pelabuhan dalam kemajuan ekonomi sesebuah negara. (6 markah)
- (c) Sekiranya anda seorang pemimpin, apakah yang anda lakukan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara? (8 markah)
8. Negeri-negeri Selat merupakan unit pentadbiran yang dibentuk oleh British untuk mengukuhkan penguasaan terhadap Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Negeri Selat dibentuk pada tahun 1826 dan dibubarkan pada tahun 1946.



- (a) Terangkan latar belakang Pulau Pinang sebelum pembentukan Negeri-negeri Selat. (6 markah)
- (b) Apakah kepentingan pembentukan Negeri-negeri Selat kepada pentadbiran British? (6 markah)
- (c) Pembentukan dan pentadbiran Negeri-negeri Selat merupakan penerusan peluasan kuasa British di negara kita.
- Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa ini. (8 markah)